



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Perjumpaan bersama Ketua Pusat Pengajian (KPP) Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

Disediakan oleh:
Dayang Hummida Bt. Abang Abdul Rahman, Pressca Negin dan Azlan Yusof Puding

Pada 29 Mac 2022 yang lalu, perjumpaan bersama Ketua Pusat Pengajian (KPP) Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah diadakan, anjuran kolaborasi bersama Kelab D'BES dan Kelab D'Bankers. Perjumpaan disertai semua pelajar Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dan berdurasi selama 2 jam yang bermula pada jam 7.30 sehingga 9.30 malam. Memandangkan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah tidak lagi beroperasi secara atas talian, perjumpaan kali pertama ini diadakan secara bersemuka di Dewan Sri Balau dengan 300 pelajar dari kedua-dua program, BA111 dan BA119. Selain itu, perjumpaan ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran para pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan iaitu penasihat Kelab D'BES, Puan Pressca Negin, penasihat Kelab D'Bankers, Encik Azlan Yusof Puding, Encik Ikhwani Naguib, Dr Yusman Yacob dan Cik Umi Insyirah. Perjumpaan ini seterusnya diserikan lagi dengan nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu UiTM Di Hatiku.

Tujuan perjumpaan ini diadakan adalah untuk mendedahkan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti kepada para pelajar. Salah satu perkara utama yang telah disentuh semasa berlangsungnya taklimat tersebut adalah etika pemakaian yang sesuai dengan ketetapan pihak universiti ataupun lebih dikenali sebagai sahsiah rupa diri. Selain itu, pelajar juga telah diingatkan dan diwajibkan untuk membuat pendaftaran subjek yang berkaitan dengan kursus sebelum tarikh tutup. Hal seperti ini ditekankan semula untuk memastikan semua pelajar tidak ketinggalan dalam membuat pendaftaran kursus semasa. Selain itu, pengajaran penting seperti pengurusan masa turut diperingatkan kepada para pelajar. Seterusnya, para pelajar juga digalakkan untuk menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan bagi meningkatkan pencapaian dan prestasi pelajar supaya semua pelajar mempunyai keseimbangan dalam bidang akademik dan ko-kurikulum. Malahan turut ditekankan juga kepada para pelajar supaya sentiasa peka tentang tanggungjawab masing-masing dalam mencetuskan keputusan peperiksaan dan melakukan pembayaran yuran universiti mengikut masa yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang permasalahan berlaku di kemudian hari.

Sesi soal jawab juga diadakan di hujung majlis untuk memberi peluang kepada para pelajar mengutarakan permasalahan dan cadangan ketika program berlangsung. Pelbagai masalah dan soalan yang disuarakan oleh para pelajar yang berkaitan dengan pembelajaran, internship, prosedur cuti sakit dan sebagainya telah terjawab melalui penganjuran program ini. Sepanjang majlis berlangsung, semua pelajar termasuk para pensyarah mematuhi SOP dan menjaga penjarakan sosial yang telah ditetapkan. Sebagai penutup bicara, diharapkan agar para pelajar mendapat manfaat dari nasihat yang telah diberikan dan semakin ingin berjaya dalam menempuhi hidup sebagai pelajar universiti.



Puan Dayang Hummida Binti Abang Abdul Rahman selaku KPP FPP menyampaikan amanat beliau mengenai program ini.



Sesi fotografi bersama pensyarah dan pelajar Fakulti Pengurusan dan Perniagaan yang hadir.